

**Krisis FAS dibongkar**  
Exco tidak puas hati 'suarat' Noor Hisham

**KERATAN Kosmo! semalam.**

## Jangan berfikiran sempit – Noor Hisham

**PENOLONG** Pengurus Selangor, Noor Hisham Mohd. Ghouth menafikan tuduhan kononnya beliau menjadi punca ketidakpuasan hati ahli Exco Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) sehingga membawa kepada tindakan keluar daripada mesyuarat FAS awal minggu ini.

Menurut Hisham, beliau turut menafikan dakwaan yang mengaitkan kuasanya selaku penolong pengurus melebihi kuasa Presiden FAS, Datuk Seri Azmin Ali malah segala keputusan dalam FAS iaitu menentukan keluar masuk individu seperti jurulatih dan pemain adalah atas permintaannya.

“Sebagai seorang Ahli Jawatankuasa Eksekutif FAS merangkap Penolong Pengurus yang dilantik, saya hanya menjalankan tugas seperti yang diamanahkan.

“Saya dan pengurus (Amirudin Shari) sentiasa menjalankan tugas termasuk mengambil berat kebajikan pemain serta barisan kejurulatihan dan melakukan perubahan demi mengembalikan kegemilangan bola sepak Selangor seperti yang digariskan oleh aspirasi dan matlamat Presiden FAS.

“Sebarang pemilihan serta pelantikan pemain dan jurulatih adalah menerusi nasihat penganjur dan penyediaan kontrak adalah di bawah tanggungjawab persatuan. Jika perkara ini melanggar kehendak Exco FAS, mengapa baru sekarang soal ini timbul?

“Setiasaha Agung FAS juga maklum dan terlibat dalam semua urusan membabitkan kontrak dan tidak wajar saya yang dipersalahkan,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Dalam perkembangan sama, Hisham menegaskan beliau tidak berminat untuk terlibat dalam politik yang memuakkan dan berusaha keras bersama Amirudin untuk menghindari politik sempit bagi mengembalikan kegemilangan bola sepak Selangor.

Katanya, barisan Exco FAS harus sedar bahawa permainan politik sebegini yang menjarakkan FAS daripada penyokong dan itulah yang sedang berlaku ketika ini.

“Saya menyeru agar semua Exco FAS yang tidak jelas dengan keadaan sebenar agar kembali ke meja mesyuarat untuk diperhalusi dan mendapatkan penyelesaian yang sewajarnya. Tindakan mewujudkan persepsi tidak betul seperti ini hanya akan mengeruhkan suasana.

“Justeru, tidak benar laporan mengatakan bahawa saya memiliki kuasa melebihi Presiden FAS. Beliau sebagai tokoh pemimpin yang disegani, tidak perlu tunduk kepada ‘permintaan’ dan pengaruh individu lain, lebih-lebih lagi saya yang cukup kerdil.

“Saya yakin, jika semua Exco FAS memberikan tenaga dan semangat kerjasama kepada beliau maka banyak perubahan positif dan kejayaan bersama dapat dilakar terutamanya memabitkan pasukan Selangor di pentas tempatan,” ujarnya.

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

**Norzamira Che Noh**  
hmetroshahalam@hmetro.com.my

# JANGAN JUAL!

■ 987 peneroka dapat rumah teres selepas menunggu selama 16 tahun

**Shah Alam**

Seramai 987 peneroka di Mukim Ijok, Kuala Selangor menarik nafas lega ketika menerima Sijil Kelayakan Pemilikan Rumah menerusi rancangan Revolusi Hijau EcoWorld Development Group Berhad selepas hampir 16 tahun menunggu.

Menteri Besar Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, kerjasama yang diberikan EcoWorld terhadap perancangan kerajaan negeri membangunkan projek terbengkalai itu adalah satu sinergi positif untuk kedua-dua pihak.

"Peneroka terpaksa menunggu hampir 16 tahun sejak pemilikan tanah diberikan pada 2000. Difahaman kerajaan ketika itu menyerahkan projek berkenaan kepada dua pemaju bagaimanapun projek itu terbengkalai.

"Kawasan ini mempunyai potensi serta strategik dan pembangunan itu sudah pasti menjadi pemangkin pembangunan lain di Kuala Selangor," katanya pada sidang media selepas menyampaikan sijil kelayakan perumahan kepada peneroka mukim Ijok di Galeri EcoWorld, Eco Grandeur di sini, semalam.

Mohamed Azmin berkata, setiap peneroka akan men-

peruntukkan untuk Eco Grandeur dan daripada jumlah berkenaan, 32 hektar diperuntukkan untuk projek Laman Haris khusus untuk peneroka Mukim Ijok dan selebihnya diperuntukkan untuk rumah teres, rumah berkembar, banglo, presint komersial, tasik serta taman rekreasi.

Sementara itu, peneroka Miskam Sulaiman, 70, berkata, pengalaman bersama dua pemaju sebelum ini membuatnya serik untuk meletakkan harapan tinggi, bagaimanapun dia lega kerana EcoWorld mempunyai rekod yang baik sebagai syarikat pemaju.

"Saya sudah menunggu sejak 2000 lagi dan saya sudah serik namun saya tetap berharap EcoWorld akan menjadikan impian saya untuk melihat rumah baru itu menjadi kenyataan," katanya.

Projek ini dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh dua tahun dan saya berharap peneroka menjaga hartanah mereka dan tidak menjualnya kerana nilai hartanah kini sangat mahal"

**Mohamed Azmin**

dapat sebuah rumah teres dua tingkat di Eco Grandeur yang turut dikenali sebagai Laman Haris.

"Projek ini dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh dua tahun dan saya berharap peneroka menjaga hartanah mereka dan tidak menjualnya kerana nilai hartanah kini sangat mahal," katanya.

Kira-kira 566.5 hektar di-



AZMIN (tengah) bersama daripada sebahagian 987 peneroka di Majlis Penyampaian Sijil Kelayakan Pemilikan Rumah

# KKM siasat dakwan tiga sekeluarga dijangkiti Zika

**SEGAMAT:** Kementerian Kesihatan akan melakukan siasatan terperinci mengenai dakwaan dalam media sosial berhubung tiga sekeluarga di Melaka yang baharu pulang dari Singapura dijangkiti virus Zika, kata Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr. S. Subramaniam.

Beliau berkata pihaknya akan menjalankan pemeriksaan darah dan air kencing sebelum membuat pengumuman lanjut mengenai perkara itu.

"Kita perlu tunggu keputusan ujian darah dan air kencing dahulu, kerana kadang-kadang seseorang itu hanya disyaki sahaja dan bukannya positif dijangkiti virus Zika," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tentang penyebaran khabar angin menerusi media sosial tentang tiga sekeluarga yang baharu pulang dari Singapura dijangkiti virus Zika dan dikuarantinkan di rumah mereka di Durian Tunggal, Melaka dan dipantau Pusat Kesihatan Durian Tunggal.

Subramaniam yang juga Anggota Parlimen Segamat itu berkata ujian darah positif masih belum cukup membuktikan bahawa seseorang itu telah dijangkiti virus Zika sebaliknya ia perlu menjalani kedua-dua ujian sebelum disahkan positif.

Katanya, beliau tidak menolak kemungkinan lebih banyak lagi kes jangkitan virus Zika akan dikesan di negara ini memandangkan ramai rakyat Malaysia berkunjung atau bekerja di Singapura.

"Kerajaan Singapura telah membuat pengumuman hampir 100 orang rakyat negaranya dijangkiti virus Zika namun saya rasa jumlah tersebut mungkin lebih daripada itu kerana ada yang masih belum dapat dikesan.

Oleh yang demikian, peluang virus tersebut merebak ke Malaysia adalah tinggi kerana ramai rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura akan pulang ke negara dan ia akan menjadi punca kepada virus tersebut merebak," katanya.

Beliau menasihati rakyat

Malaysia yang ingin ke negara jiran, sama ada bekerja di sana atau melancong, untuk sentiasa memakai baju lengan panjang bagi mengelak risiko jangkitan.

Subramaniam berkata hanya satu kaedah berkesan bagi mengelak daripada berlakunya penularan virus Zika iaitu mengawal pembiakan nyamuk Aedes.

"Tugas mengawal pembiakan nyamuk Aedes dan penularan virus Zika bukan hanya tanggungjawab Kementerian Kesihatan dan agensi berkuasa, sebaliknya ia adalah tanggungjawab semua.

Sehubungan itu, saya menyeru agar badan bukan kerajaan (NGO) dan persatuan penduduk membantu kerajaan dengan mengadakan program gotong-royong membersihkan kawasan pembiakan nyamuk Aedes," katanya.

Sebelum ini, seorang wanita tempatan berusia 58 dari Bandar Botanic, Klang, Selangor menjadi mangsa pertama disahkan dijangkiti virus Zika di Singapura. - Bernama

# Tonto lebih berkuasa?

**KUALA LUMPUR 3 Sept.** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) diminta bertindak terhadap pihak tertentu yang mempunyai kaitan dengan 'tali barut' atau tonto yang dilihat lebih berkuasa dan menjadi dalang kepada kegagalan kebanyakan operasi mencegah jenayah dan penguatkuasaan di negara ini.

Pengarah Unit Tindakan Khas, Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Muhammad Yusuf Azmi (**gambar**) berkata, tonto yang selama ini memberi masalah kepada setiap operasi pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM), masih bebas dan tidak dikenakan tindakan.

"Saya nak persoalan adakah tonto ini lebih berkuasa daripada pihak berkuasa kerana jika dilihat tindak tanduk mereka seolah-olah tidak gentar dengan undang-undang dan sesuka hati mengekori kenderaan pegawai penguat kuasa serta menunggu di hadapan pejabat atau jabatan

penguat kuasa.

"Kadang kala operasi yang dijalankan untuk membanteras aktiviti haram melibatkan polis gagal ekoran kebocoran maklumat daripada tonto. Ini perkara yang saya rasa mungkin melibatkan segelintir pihak berkuasa bertindak melindungi kegiatan mereka," katanya kepada *Mingguan Malaysia* di sini hari ini.

Menurut Muhammad Yusuf, operasi bersepadu yang dijalankan pihaknya bersama beberapa agensi kerajaan termasuk Majlis Perbandaran Sepang, Jabatan Kesihatan negeri, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) baru-baru ini gagal akibat perbuatan tonto.

"Operasi yang dijalankan pada ketika itu adalah untuk menangani gejala sosial seperti judi dan maksiat, namun semua usaha kami hancur berkecai gara-gara pecahnya rahsia operasi

disyaki dilakukan tali barut tertentu.

"Jika masalah tonto tidak diatasi segera, saya khawatir tidak dapat lagi kepercayaan daripada masyarakat. Persepsi ini perlu diubah, jika mereka (tonto) kebanyakannya menggunakan kereta mewah sudah tentu hasil kutipan mereka juga besar," katanya.

Tambahnya, tonto biasanya bergerak dalam satu kumpulan dan akan menyalurkan maklumat kepada pusat-pusat judi haram, rumah urut dan kelab-kelab mengenai pergerakan pihak berkuasa sehingga menyebabkan aktiviti penguatkuasaan sukar dilaksanakan sepenuhnya.

"Saya percaya tonto-tonto ini bernaung dalam satu kelompok besar dan mereka diupah dengan kadar yang lumayan kerana berdasarkan pemerhatian kami, mereka bukan menaiki kereta jenama biasa.

"Semua pihak perlu buka mata dan mencari jalan penyelesaian mengenai masalah tonto yang membelenggu operasi penguatkuasaan. Aktiviti seperti judi dan maksiat boleh ditangani sekiranya tonto berjaya dihapuskan," ujarnya.



# Norashikin pandai simpan rahsia - Rakan

Oleh **AIDA RIZMARIZA KAMARUDDIN** dan **MUHAMMAD AZRUL MOHD. RADI**

penarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 3 SEPT.

**B**ERITA pernikahan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, 71, dengan pembaca berita RTM, Norashikin Abdul Rahman, 45, bukan sahaja mengejutkan rakyat Malaysia, tetapi juga rakan-rakan sekerja di stesen televisyen kerajaan itu.

Rata-rata mereka melahirkan rasa terperanjat dengan berita tersebut kerana sebelum ini Norashikin tidak pernah bercerita mengenai hubungannya dengan Sultan Selangor, malah pada malam 31 Ogos lalu beliau masih menyampaikan berita.

Rakan sekerja Norashikin yang juga merupakan pembaca berita RTM, **Suhaimi Mohamed** juga terkejut, sekali gus teruja dengan berita perkahwinan itu.

“Saya hanya mengetahui cerita perkahwinan itu melalui media. Saya mengenali Norashikin sejak 12 tahun lalu. Dalam bidang penyiaran beliau sememangnya menjadi contoh bukan sahaja kepada saya, tetapi juga kepada semua wartawan dan pembaca berita muda yang lain.

“Beliau juga banyak mengajar saya daripada mula bekerja hinggalah kini, seorang yang sangat santun, serius ketika bekerja dan sangat menjaga disiplin,” kongsi Suhaimi.

Suhaimi juga tidak menyangka episod pertama pro-

gram *Ikon Siarawan 2014* yang dihadiri wanita itu merupakan siaran langsung terakhir yang menggandingkan mereka berdua di depan kamera.

Bekas personaliti RTM, **Datin Sharifah Shawati** juga melahirkan rasa gembira dengan berita perkahwinan Norashikin yang dikenalnya sejak bersama-sama berkhidmat di Malaysia Airlines (MAS) sebagai pramugari.

“Beliau seorang yang lemah-lembut dan sifat itu sangat sesuai dengan Tuanku Sultan. Semoga dilimpahkan rahmat Tuanku

bersama pasangannya dan saya tumpang seronok dengan perjalanan kehidupan mereka yang baru ini,” jelas Shawati.

Sementara itu, pembaca berita *Dunia Jam 10* di RTM, **Farit Ismeth Emir** menganggap Norashikin sebagai seorang yang bersopan santun dan bersikap pemalu, malah wanita itu

juga baginya tidak pernah memandang rendah kepada sesiapa pun walaupun merupakan seorang pembaca berita yang

terkenal.

“Dari segi penyampaian berita dia adalah seorang yang semula jadi dan berjaya membaca sesebuah berita dengan berkesan. Malah dia adalah seorang yang amat berdisiplin. Saya ucapkan selamat pengantin baharu dan semoga perkahwinan Shikin dan Tuanku hingga ke akhir hayat,” katanya.

Bekas juruhebah dan pembaca berita radio RTM, **Noraini Ibnu** juga melahirkan rasa bangga dengan pernikahan Norashikin.

“Saya dapat tahu beliau sudah berhenti kerja beberapa hari lalu. Secara peribadi saya tidak terlalu

mengenalinya, namun tahu beliau seorang yang baik dan lemah lembut. Melalui berita ini juga saya sebagai rakyat Selangor turut berbangga kerana sultan kami akhirnya bertemu jodoh,” katanya yang juga merupakan isteri penyanyi Herman Tino.

Bagi **Shahril Sarapudin** yang pernah beberapa tahun digan-

dingkan dengan Norashikin menyampaikan berita di RTM, 31 Ogos lalu pasti menjadi tarikh akhir mereka bertugas bersama.

“Memang tak sangka sebab pada 31 Ogos lalu beliau masih menyampaikan berita dan dalam jadual rasmi penyampai berita RTM pun masih ada lagi slot untuk beliau,” katanya.



SHARIFAH SHAWATI




NORASHIKIN ABDUL RAHMAN melangsungkan perkahwinan dengan Sultan Sharafuddin Idris Shah pada 31 Ogos lalu.



SHAHRIK SARAPUDIN dan anaknya merakam gambar bersama rakan setugas, Norashikin Abdul Rahman pada April tahun lalu.

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



### SEMBAH TAHNIAH

**D**ENGAN penuh rasa syukur, Awang menzahirkan sembah tahniah kepada Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang telah dijabkabal bersama pengacara RTM, Norashikin Abdul Rahman pada 31 Ogos lalu.

Buat sekian lama, sejak 1997, akhirnya baginda menemui wanita pilihan hati buat dijadikan permaisuri. Ia suatu kejutan yang mengembirakan terutama buat rakyat di negeri Selangor. Selain kemeriahan sambutan Hari Kebangsaan, rupanya tarikh itu juga menjadi hari istimewa buat pasangan tersebut melayari bahtera perkahwinan. Detik tersebut sudah lama dinanti-nantikan dan baginda bertemu jodoh lagi selepas dua perceraian sebelum ini.

Pernikahan baginda adalah berita paling menceritakan minggu ini selain Hari Kebangsaan 2016 yang mendapat sambutan luar biasa dengan bahang patriotisme lebih menyerlah. Awang tumpang gembira apatah lagi rata-rata menerima maklum balas positif daripada rakyat yang teruja dengan perkembangan baharu ke atas Sultan Selangor. Berita tersebut viraldengan begitu pantas sekali. Ternyata perkahwinan sultan atau raja, lebih-lebih lagi dengan wanita rakyat biasa mudah mengundang perhatian masyarakat.

Kui tumpuan ramai kepada Norashikin. Perawakan, keanggunan, kisas keluarga dan latar belakangnya serta bagaimana cinta mereka berputik hangat diperkatakan. Tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia siapa yang tahu. Ini kali kedua dalam sejarah negara, personaliti seseen televisyen berkahwin dengan seorang Sultan.

Berita perkahwinan itu buat seketika mengalih perhatian rakyat yang sudah penat dan sendat dengan isu-isu semasa terutama politik, bagaikan terapi kecil. Semoga Sultan Sharafuddin dan Norashikin dikurniakan kebahagiaan dan keberkatan. Menjunjung kasih Tuanku.

## TAMPARAN AZMIN

**S**ATU lagi isu sukan yang panas ialah Persatuan Bolasepak Selangor (FAS) yang presidennya disandang oleh Menteri Besar, Azmin Ali sejak dua tahun lalu.

Awang dapat tahu baru-baru ini majoriti exco FAS bertindak meninggalkan mesyuarat yang sedang dipengerusikan oleh Azmin.

Ini kerana mereka membantah sikap angkuh beliau dalam menerajui persatuan itu dan membelakangkan perlembagaan FAS serta exco dalam membuat keputusan besar.

Pertama kali dalam sejarah, Exco FAS bertindak sedemikian ke atas Presiden FAS yang kebiasaannya disandang Menteri Besar. Awang lihat ini satu lagi tamparan kepada Azmin selain memperlihatkan kegagalan beliau menerajui FAS.

Ini berbeza dengan presiden-presiden terdahulu termasuk bekas Menteri Besar, Khalid Ibrahim yang dilihat lebih efisien, mematuhi perlembagaan dan menghormati barisan exco. Banyak lagi isu yang melingkari FAS masa kini seperti campur tangan keterlaluan, peranan tangan ghaib, isu penswastan FAS yang tidak

telus, pembaziran jutaan ringgit kerana memecat sesuka hati jurulatih belum tamat kontrak dan kegagalan mengadakan kongres dalam tempoh dua tahun.

Mesyuarat exco pun hanya dua kali beliau hadir, kali pertama selepas dilantik Disember 2014 dan kali kedua, baru-baru ini, yang menyaksikan exco meninggalkan mesyuarat. Ini ekoran kata dua beliau tidak mahu membiayai FAS jika exco enggan mengikut arahan beliau.

Memandangkan Selangor pasukan yang hebat, mempunyai ramai pemain berbakat dan saiz penyokong yang besar, adalah merugikan jika ia tidak ditadbir dengan harmoni. Awang mencadangkan dicari jalan keluar mengatasi kemelut

tersebut antaranya melantik Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah menjadi Presiden FAS. Baginda telah memperlihatkan ciri-ciri kepimpinan yang boleh dimanfaatkan dalam persatuan sukan. Itu juga langkah terbaik bagi menyelamatkan FAS daripada dipolitikkan secara keterlaluan. Persoalannya bersedialah Azmin memberi laluan kepada Tengku Amir?



TENGGU AMIR SHAH



AZMIN ALI



## JODOH KHIR

**P**ERKAHWINAN kedua bekas Menteri Besar Selangor, Dr. Khir Toyo bersama seorang penjawat awam, Christine Zanitrah Abdullah baru-baru ini mengejutkan ramai. Viral dan heboh diperkatakan.

Pendirian Awang mudah. Kalau sudah jodoh, apa salahnya. Jodoh adalah ketentuan Allah SWT. Lebih-lebih lagi Dr. Khir telah mendapat restu dan tidak menyembunyikannya. Setidak-tidaknya beliau ada keberanian untuk mengisytiharkannya

kepada awam ketika ramai lagi termasuk orang kenamaan yang memilih untuk berahsia atas pelbagai alasan. Dalam pada itu apa yang Awang sedari rupa-rupanya Dr. Khir masih mempunyai ramai penyokong terutama di Selangor.

Walaupun terpalit dengan kontroversi tertentu dan pernah dihukum penjara, ramai masih meletakkan keyakinan kepada beliau untuk bangkit kemudian hari. Entahlah, dalam politik segala-galanya berkemungkinan.

# TEMAN SEKERJA TERKEJUT, TUMPANG GEMBIRA

**P**ERNIKAHAN pembaca berita TV1 Radio Televisyen Malaysia (RTM), Norashikin Abdul Rahman dengan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah 31 Ogos lalu mengejutkan ramai peminat termasuklah rakan-rakan sekerja beliau di stesen penyiaran kerajaan itu.

Meskipun ramai yang tidak tahu personaliti TV jelita itu bertemu jodoh dengan Sultan Selangor sehinggalah ia diumumkan oleh Setiausaha Sulit baginda, Datuk Munir Bani dalam satu kenyataan Jumaat lalu, tetapi warkah itu telah disambut dengan rasa kegembiraan.

Pembaca berita RTM, Harjit Singh Hulon, 63, misalnya turut bangga apabila rakan sekerja yang juga anak didiknya dalam dunia penyiaran TV itu selamat dinikahkan oleh Mufti Selangor, Datuk Setia Mohd Tamyas Abdul Wahid dalam satu majlis yang cukup sederhana.

Menurut Harjit, biarpun tidak menduga Norashikin akan melalui saat-saat manis itu secara diam-diam, namun beliau yakin sifat-sifat keperibadian tinggi yang dimiliki oleh personaliti tinggi lampai berusia 45 tahun itu ternyata telah berjaya menambat hati Sultan Selangor.

"Saya mengenali Shikin sebelum beliau menyertai RTM. Ketika itu, Shikin baru menyertai MAS sebagai pramugari. Saya pula ditugaskan

melatihnya dalam aspek pertuturan dalam bahasa Melayu dan Inggeris sebelum beliau memulakan tugas sebagai pramugari.

"Apabila Shikin membaca berita di RTM, saya sekali lagi melatihnya di TV1. Malah, saya juga pernah digandingkan dengannya membaca berita di TV1. Saya mengenali beliau sebagai seorang yang baik dan tinggi budi pekertinya," katanya kepada *Mingguan Malaysia*.

Pernikahan itu turut dihadiri

Timbalan Mufti Selangor, Dr. Anhar Opir; Al Fadil Imam Paduka Mohd Rasid Mahful; Bekas Timbalan Mufti Selangor, Datuk Abdul Majid Omar; Ahli Majlis Agama Islam Selangor, Datuk Salehuddin

Saidin dan keluarga pengantin perempuan.

Harjit yang berpengalaman sebagai pembaca berita selama 44 tahun di RTM berkata, sepanjang mengenali Norashikin, bekas pramugari MAS itu merupakan seorang yang mudah tersenyum dan tidak pernah marah, sekali gus memudahkan kerjanya.

"Sifat semula jadinya itu menyebabkan beliau mudah bergaul dengan sesiapa sahaja. Beliau secegang yang berdisiplin. Sepanjang mengenalinya terutama sewaktu sama-sama membaca berita dalam slot *Berita Perdana* dan *Dunia Jam 10* keperibadiannya memang terserlah.

"Mungkin juga kerana sifatnya itu beliau sentiasa kelihatan ceria sama ada di dalam konti mahupun di luar konti. Sebab itu, tidak hairanlah jodohnya dengan baginda Sultan bukan sahaja kerana takdir Tuhan, tetapi ia memang sesuai dan kena pada masanya," ujarnya.

Upacara pernikahan yang diadakan di Masjid Istana Diraja, Istana Alam Shah, Klang itu meskipun tidak mendapat liputan media massa dan secara sederhana atas titah baginda, namun ia berjalan dengan sempurna serta disambut gembira oleh rakyat Selangor.

Seorang lagi pembaca berita veteran RTM, Farid Esmet Emer pula menyifatkan Norashikin merupakan seorang yang lemah lembut, pemalu tetapi amat berdedikasi dalam menjalankan tugasnya selain seorang yang sangat menghormati orang yang lebih tua daripadanya.

"Sepanjang 21 tahun membaca berita di RTM, Shikin antara pembaca berita yang serasi dengan saya dan kami selalu digandingkan

dalam slot *Berita Perdana* dan *Berita Dunia* di TV1 walaupun jarak usia di antara kami agak jauh berbeza iaitu hampir 20 tahun.

"Beliau memanggil saya dengan nama Pak Ngah. Pun begitu beliau tiada masalah untuk menyesuaikan diri dan bekerjasama sewaktu ke udara di kaca TV. Malah, komitmennya itu tetap sama sehinggalah hujung bulan lepas iaitu kali terakhir beliau muncul di TV," katanya.

Fathil Hidayat Gazali, 31, yang

juga teman sekerja Norashikin di konti bilik berita TV RTM turut terkejut dan gembira apabila mendapat tahu pernikahan personaliti yang pernah memenangi anugerah Penyampai Berita TV Terbaik Anugerah Seri Angkasa pada 2005 itu.

Ujarnya, Norashikin bukan sahaja berbakat besar sebagai pembaca berita TV tetapi pada masa sama beliau juga menjadi rebutan banyak pihak dalam mengendalikan pelbagai jenis acara yang berprofil tinggi termasuk anjuran syarikat-syarikat korporat terkemuka.

"Beliau antaranya diberi kepercayaan menjadi pengacara bersama saya dalam program *Minggu Saham Amanah Malaysia* sejak 2008 hingga tahun ini. Malah, kami juga banyak bergandingan sebagai pengacara dalam majlis-majlis rasmi di istana-istana sejak 2011.

"Walaupun popular sebagai personaliti TV tetapi beliau seorang yang tidak sukakan glamor dan amat merendah diri. Beliau tidak gemar berpelesenan tidak tentu fasal. Sebab itu, tidak pernah terdengar gosip yang tidak elok tentang beliau selama saya mengenalinya," katanya.

Norashikin yang berasal dari Kuala Lumpur adalah anak bongsu daripada tiga beradik mempunyai dua orang anak, Nur Amanda, 17 dan Adam Salleh, 14 hasil daripada perkahwinan terdahulu beliau dengan seorang juruterbang, Mustapha Kamal Halim.

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



## Biodata Sultan Selangor

SULTAN Sharafuddin Idris Shah Al-Haj merupakan Sultan Selangor ke-9 yang memerintah negeri Selangor sejak 22 November 2001 berikutan kemangkatan ayahanda baginda, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj.

Majlis pertabalan diadakan pada 22 November 2001 di Balairung Seri Istana Alam Shah, Klang. Istiadat pertabalan diraja itu turut dihadiri Tengku Panglima Diraja Selangor selaku Ketua Istiadat Diraja, Tengku Sulaiman Shah; Tengku Aris Temenggong, Tengku Muhamad Yusuf Shah dan Orang Kaya To' Engku Maha Bijaya Hulu Langat, Datuk Abdul Rani Datuk Shamsuddin.

Baginda lahir pada 11 Disember 1945 di Istana Jemaah, Klang. Baginda adalah anak sulung. Adik-beradik yang lain ialah Tengku Puteri Sofiah, Tengku Sulaiman Shah, Tengku Puteri Seri Zanariah, Tengku Abdul Samad Shah, Tengku Puteri Arafiah dan Tengku Puteri Aishah.

Tahun 1968 berkahwin dengan Raja Zarina Raja Tan Sri Zainal. Puteri baginda bernama Tengku Zerafina (lahir pada 1969) dan Tengku Zatashah (1973). Setelah berpisah pada 1986, baginda berkahwin dengan Puan Nur Lisa Idris Abdullah warga Amerika Syarikat pada tahun 1988 tetapi berpisah pada 1997. Putera mereka, Tengku Amli Shah, 26, (kini Raja Muda Selangor).

Perkahwinan ketiga baginda pula adalah dengan pembaca berita RTM, Norashikin Abdul Rahman, yang dinikahi baginda di Masjid Istana Diraja, Istana Alam Shah, Klang pada 31 Ogos 2016. Pernikahan ini dilaksanakan oleh Mufti Selangor, Datuk Mohd Tamyas Abd Wahid.

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

<p>Sifat semula jadinya itu menyebabkan beliau mudah bergaul dengan sesiapa sahaja. Beliau seorang yang berdisiplin.</p> <p><b>HARJIT SINGH HULON</b></p>		<p>Sepanjang 21 tahun membaca berita di RTM, Shikin antara pembaca berita yang serasi dengan saya.</p> <p><b>FARID ESMÉT EMER</b></p>		<p>Walaupun popular sebagai personaliti TV tetapi beliau seorang yang tidak sukakan glamor dan amat merendah diri.</p> <p><b>FATHIL HIDAYAT GAZALI</b></p>	
---	--	---	---	--	--



**HASSIM** Abu Hanifah (kanan) berbincang dengan Norashikin dan Zulkifli sebelum siaran secara langsung program 30 minit TV1. 30 Minit disiarkan setiap hari Khamis pukul 11.30 malam.

## Azmin cabul hak istimewa bumiputera

**KUALA LUMPUR 3 Sept.** - Tindakan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali bersetuju memansuhkan diskaun 10 peratus untuk bumiputera bagi pembelian hartanah mewah di negeri tersebut jelas memperlihatkan bahawa beliau mencabul hak istimewa orang Melayu.

Presiden Pertubuhan Ikatan Kebajikan dan Dakwah Selangor (IKDDS), Rosdi Long berkata, diskaun tersebut adalah diperuntukkan kepada bumiputera yang wajar dihormati oleh Kerajaan PKR Selangor.

“PKR ternyata sebuah parti yang tidak berlaku adil. Apa yang berlaku sekarang adalah Moham-

ed Azmin tidak dapat membezakan antara hak dengan bantuan. Jika dia mahu beri bantuan kepada kaum lain, mengapa hak bumiputera diketepikan?” katanya ketika dihubungi *Mingguan Malaysia* di sini hari ini.

Mohamed Azmin sebelum ini mengesahkan diskaun 10 peratus untuk bumiputera bagi pembelian pangsapuri perkhidmatan, rumah pejabat (SOHO) dan pejabat maya di rumah (SOVO) di negeri itu dimansuhkan bermula 1 September lalu.

Beliau berkata, diskaun tersebut akan diberikan kepada semua kaum dalam kategori berpendapatan rendah dan sederhana.

Rosdi turut mempersoalkan

ketaatan Mohamed Azmin terhadap keluhuran Perlembagaan yang menjadi perkara asas kepada Rukun Negara.

“Sudah termaktub di dalam Perlembagaan bahawa setiap warganegara Malaysia dihendaki menghormati, menghargai serta memahami maksud dan kandungan serta latar belakang sejarah pembentukan Perlembagaan Persekutuan.

“Oleh itu Perlembagaan Persekutuan yang telah digubal beresakan kesepakatan semua kaum dan semua pihak di negara ini tidak boleh dipersoalkan. Jika itu hak bumiputera maka tidak boleh disentuh sama sekali,” ujarnya.

## Amal petua lama halau nyamuk

**KUALA LUMPUR 3 Sept.** - Bahan dapur boleh menjadi sumber alternatif yang mungkin boleh diamalkan untuk menghalau nyamuk ketika negara kini berdepan penularan penyakit bawaan nyamuk seperti denggi dan Zika.

Berdasarkan carian dalam internet, terdapat pelbagai bahan semulajadi digunakan untuk menghalau nyamuk terutamanya di kawasan kediaman, termasuk petua lama menggunakan serai wangi, menanam pokok jeremin (halau nyamuk) mahupun petua mudah dengan mencucuk bunga cengkih pada limau nipis.

Berkongsi tips menghalau nyamuk, **Noraini Jamsit**, 53, berkata sudah lebih 50 tahun keluarganya mengamalkan petua menggunakan limau nipis dan bunga cengkih untuk menghalau nyamuk.

Katanya, amalan turun temurun itu jelas berkesan kerana kediamannya bebas daripada nyamuk dan lalat sejak ia diamalkan.

Beliau yang tinggal di Palong 13, Negeri Sembilan, berkata, dia

tidak perlu menggunakan kelambu atau sebarang semburan bahan kimia untuk mengelak daripada gigitan nyamuk.

“Selain bahan-bahannya senang diperolehi, cara ini juga menjimatkan perbelanjaan dan aromanya cukup menenangkan,” katanya kepada Bernama.

Bagi **Rukiah Rahmat**, 80, beliau menggunakan cara yang berbeza untuk menghalau nyamuk iaitu membakar sabut kelapa pada waktu senja.

“Pukul 6 petang saya sudah mula kumpul sabut kelapa dan bakar di bawah rumah. Asap daripada bara sabut kelapa yang dibakar boleh menghalau nyamuk,” katanya yang pernah mengamalkan cara itu ketika tinggal di Kampung Tambak Bugis, Melaka.

Dalam pada itu, Pensyarah Kanan Parasitologi dan Entomologi Perubatan di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia (UPM) **Dr. Roslaini Abd. Majid** berkata, tiada bukti saintifik yang membuktikan keberkesanan petua-

petua lama itu untuk menghalau nyamuk setakat ini.

“Cuma saya rasa aroma yang kuat daripada penggunaan bahan-bahan semula jadi seperti serai wangi, pokok jeremin dan bunga cengkih mungkin menjadi faktor penghalang kepada gigitan nyamuk,” katanya ketika dihubungi hari ini.

Semalam, Kementerian Kesihatan mengesahkan Malaysia merekodkan kes pertama apabila seorang wanita berusia 58 tahun yang menetap di Bandar Botanic, Klang, Selangor positif dijangkiti virus zika, dan disyaki mendapat gejala itu semasa berkunjung ke Singapura.

Dalam pada itu, Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit Kementerian Kesihatan, **Dr. Chong Chee Kheong** berkata, pesakit yang dijangkiti zika akan dirawat menggunakan kaedah seakan sama untuk merawat denggi memandangkan virus itu disebarkan melalui gigitan nyamuk *Aedes*. - BERNAMA

## Polisi pemilikan rumah patut dipermudah

**KLANG 3 Sept.** - Kerajaan PKR Selangor sepatutnya mewujudkan satu dasar memudahkan rakyat terutama golongan belia memiliki rumah sendiri bukannya merumitkan keadaan dengan menghapuskan diskaun 10 peratus bagi pembelian tiga jenis hartanah kepada golongan bumiputera.

Pengerusi Gerakan Belia 4B Selangor, Ahmad Zakir Abdul Rahman berkata, sebanyak 45 peratus rakyat di negeri ini adalah orang muda dan golongan ini sedang bergelut untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Menurutnya, kerajaan PKR Selangor juga sepatutnya memperbanyakkan rumah mampu milik, bukannya memberi diskaun kepada rumah yang harganya memang tinggi dan di luar kemampuan golongan belia yang

berpendapatan rendah dan sederhana.

“Prosedur memiliki rumah sepatutnya dipermudahkan bukannya dipayahkan sehingga diskaun 10 peratus secara dasarnya dihapuskan.

“Satu dasar yang membantu kaum bumiputera memiliki rumah juga perlu digubal bukannya menghapuskan keistimewaan bumiputera yang banyak membantu selama ini,” katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Turut hadir, Timbalan Pengerusi Alumni Gerakan Belia 4B Parlimen Kota Raja, Muhd.Ali Zakariah; Setiausaha Agung Persatuan Perjuangan Masyarakat Kota (Perkata), Adzly Manas dan Timbalan Pengerusi Gerakan Belia 4B Parlimen Kota Raja, Erwan Shah Abdul Majid.

Sementara itu, Muhd. Ali berkata, golongan muda di negeri ini sudah cukup tertekan dengan keadaan ekonomi semasa dan ditambah pula dengan kos memiliki rumah yang di luar kemampuan mereka.

“Kita dengar kerajaan PKR Selangor ada rezab sebanyak RM3.78 bilion, apa salahnya 10 hingga 15 peratus dilaburkan untuk menyediakan rumah mampu milik untuk golongan belia.

“Takkan belia di Selangor kena tinggal di Nilai dan berulang-alik kerja di Selangor,” ujarnya.

Adzly pula mempersoalkan tindakan kerajaan PKR Selangor itu yang dilihat seolah-olah gagal membela nasib rakyat terutamanya bumiputera di negeri ini dengan menyediakan rumah kepada golongan itu.

## Amal petua lama halau nyamuk susulan penularan denggi, Zika

**KUALALUMPUR:** Bahan dapur boleh menjadi sumber alternatif yang mungkin boleh diamalkan untuk menghalau nyamuk ketika negara kini berdepan penularan penyakit bawaan nyamuk seperti denggi dan Zika.

Berdasarkan carian dalam Internet, terdapat pelbagai bahan semula jadi digunakan untuk menghalau nyamuk terutamanya di kawasan kediaman, termasuk petualama menggunakan serai wangi, menanam pokok jeremin (halau nyamuk) mahupun petua mudah dengan mencucuk bunga cengkih pada limau nipis.

Berkongsi tip menghalau nyamuk, Noraini Jamsit, 53, berkata sudah lebih 50 tahun keluarganya mengamalkan petua menggunakan limau nipis dan bunga cengkih untuk menghalau nyamuk.

Katanya amalan turun-temurun itu jelas berkesan kerana kediamannya bebas daripada nyamuk dan lalat sejak ia diamalkan.

Beliau yang tinggal di Palong 13, Negeri Sembilan, berkata dia tidak perlu menggunakan kelambu atau sebarang semburan bahan kimia untuk mengelak daripada gigitan nyamuk.

“Selain bahan-bahannya senang diperoleh, cara ini juga menjimatkan perbelanjaan dan aromanya cukup menenangkan,” katanya kepada Bernama.

Bagi Rukiah Rahmat, 80, beliau menggunakan cara yang berbeza untuk menghalau nyamuk iaitu membakar sabut kelapa pada waktu senja.

“Jam 6 petang saya sudah mula kumpul sabut kelapa dan bakar di bawah rumah. Asap daripada bara sabut kelapa yang dibakar boleh menghalau nyamuk,” katanya yang pernah mengamalkan cara itu ketika tinggal di Kampung Tambak Bugis, Melaka.

Dalam pada itu, Pengerah Kanan Parasitologi dan Entomologi Perubatan di Fakulti Perubatan dan

Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr Roslaini Abd Majid berkata tiada bukti saintifik yang membuktikan keberkesanan petua-petua lama itu untuk menghalau nyamuk setakat ini.

“Cuma saya rasa aroma yang kuat daripada penggunaan bahan-bahan semula jadi seperti serai wangi, pokok jeremin dan bunga cengkih mungkin menjadi faktor penghalang kepada gigitan nyamuk,” katanya ketika dihubungi Bernama.

Khamis lalu Kementerian Kesihatan mengesahkan Malaysia merekodkan kes pertama apabila seorang wanita berusia 58 tahun yang menetap di Bandar Botanic, Klang, Selangor positif dijangkiti virus Zika, dan disyaki mendapat gejala itu semasa berkunjung ke Singapura.

Dalam pada itu, Pengerah Bahagian Kawalan Penyakit Kementerian Kesihatan, Dr Chong Chee Kheong ber-

kata pesakit yang dijangkiti Zika akan dirawat menggunakan kaedah seakan-akan sama untuk merawat denggi memandangkan virus itu disebarkan melalui gigitan nyamuk aedes.

“Setakat ini tiada ubat khusus untuk Zika namun kita akan merawat simptom yang dihadapi, sebagai contoh jika pesakit itu demam, kita akan beri ubat untuk simptom demam dan memastikan mereka cukup air dan rehat,” katanya.

Beliau berkata masyarakat perlu fokus kepada usaha menghapuskan aedes bagi membendung penularan virus Zika termasuk menghapuskan tempat pembiakan nyamuk di samping menggunakan bahan penyembur.

Selain itu, elak berada di luar rumah pada awal pagi atau senja, memasang jaring penghalang nyamuk pada tingkap rumah dan memakai baju serta seluar panjang berwarna cerah.

— Bernama



# Kementerian akan siasat

## ► Dakwaan tiga sekeluarga dijangkiti virus Zika di Melaka

**SEGAMAT:** Kementerian Kesihatan akan melakukan siasatan terperinci mengenai dakwaan dalam media sosial berhubung tiga sekeluarga di Melaka yang baharu pulang dari Singapura dijangkiti virus Zika, kata Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr S. Subramaniam.

Beliau berkata pihaknya akan menjalankan pemeriksaan darah dan air kencing sebelum membuat pengumuman lanjut mengenai perkara itu.

“Kita perlu tunggu keputusan ujian darah dan air kencing dahulu, kerana kadang-kadang seseorang itu hanya disyaki sahaja dan bukannya positif dijangkiti virus Zika,” katanya kepada pemberita kelmarin.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tentang penyebaran khabar

angin menerusi media sosial tentang tiga sekeluarga yang baharu pulang dari Singapura dijangkiti virus Zika dan dikuarantinkan di rumah mereka di Durian Tunggal, Melaka dan dipantau Pusat Kesihatan Durian Tunggal.

Subramaniam yang juga Anggota Parlimen Segamat itu berkata ujian darah positif masih belum cukup membuktikan bahawa seseorang itu telah dijangkiti virus Zika sebaliknya ia perlu menjalani kedua-dua ujian sebelum disahkan positif.

Katanya, beliau tidak menolak kemungkinan lebih banyak lagi kes jangkitan virus Zika akan dikesan di negara ini memandangkan ramai rakyat Malaysia berkunjung atau bekerja di Singapura.

“Kerajaan Singapura telah membuat pengumuman

hampir 100 orang rakyat negaranya dijangkiti virus Zika namun saya rasa jumlah tersebut mungkin lebih daripada itu kerana ada yang masih belum dapat dikesan.

Oleh yang demikian, peluang virus tersebut merebak ke Malaysia adalah tinggi kerana ramai rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura akan pulang ke negara dan ia akan menjadi punca kepada virus tersebut merebak,” katanya.

Beliau menasihati rakyat Malaysia yang ingin kenegara jiran, sama ada bekerja di sana atau melancong, untuk sentiasa memakai bajulengan panjang bagi mengelak risiko jangkitan.

Subramaniam berkata hanya satu kaedah berkesan bagi mengelak daripada berlakunya penularan

virus Zika iaitu mengawal pembiakan nyamuk Aedes.

“Tugas mengawal pembiakan nyamuk Aedes dan penularan virus Zika bukan hanya tanggungjawab Kementerian Kesihatan dan agensi berkuasa, sebaliknya ia adalah tanggungjawab semua.

Sehubungan itu, saya menyeru agar badan bukan kerajaan (NGO) dan persatuan penduduk membantu kerajaan dengan mengadakan program gotong-royong membersihkan kawasan pembiakan nyamuk Aedes,” katanya.

Sebelum ini, seorang wanita tempatan berusia 58 dari Bandar Botanic, Klang, Selangor menjadi mangsa pertama disahkan dijangkiti virus Zika di Singapura.- Bernama

# Gesa Selcat siasat status tanah

## NGO hantar memorandum minta jawatankuasa itu buka kertas siasatan isu Paya Indah Wetlands

**SHAH ALAM** - Pertubuhan Gerakan Penegak Suara Selangor menghantar satu memorandum aduan berkaitan perubahan status tanah di Paya Indah Wetlands kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan Selangor (Selcat) di Bangunan SUK Selangor, semalam.

Pengerusinya, Nasiruddin Mohamed, menggesa Selcat membuka siasatan pertukaran status tanah seluas 619 hektar di Lot 68054, Mukim Tanjong Dua Belas, Kuala Langat yang dibuat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

"Inti pati aduan ini adalah untuk menggesa Hannah Yeoh, selaku pengerusi Selcat, mengambil tindakan terhadap mana-mana pegawai kerajaan yang terlibat dengan pertukaran status tanah tersebut, yang difahamkan telah pun dibuat aduan rasmi ke SPRM.

"Selain dakwaan kelulusan pertukaran status dibuat tanpa memberikan maklumat lengkap kepada semua anggota

mesyuarat, isu integriti dan ketelusan juga timbul apabila terdapat kemungkinan keputusan dibuat kerana faktor pengaruh politik," katanya.

Nasiruddin turut mendedahkan kewujudan mesej daripada seorang individu yang bertindak bagi pihak pemaju dengan menggunakan kedudukan politik bagi melobi perubahan status tanah.

"Isu integriti dan ketelusan ini sangat kritikal kerana melalui mesej tersebut, individu tersebut seolah-olah menggunakan kedudukan politiknya yang rapat dengan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri

Mohamed Azmin Ali untuk kepentingan pemaju.

"Lebih dikhuatiri apabila keadaan menggambarkan ada kemungkinan dia adalah proksi menteri besar sendiri dalam syarikat pemaju," katanya.

Selain itu, NGO tersebut juga melahirkan rasa kesal berhubung kenyataan Adun Taman Medan, Haniza Mohamed Talha, yang mempersoalkan kredibiliti pengadu kes pertukaran

status tanah itu, Razak Ismail, disebabkan aduan yang dibuat membabitkan menteri besar.

Nasiruddin berkata, selaku Jawatankuasa Selcat, Haniza seharusnya menerima dan memproses aduan, bukannya

bertindak menyerang pengadu melalui media dan menggesa Haniza membuat permohonan maaf secara terbuka atau melepaskan jawatannya dalam Selcat.

"Hasrat mereka menubuhkan Selcat sudah tentu untuk menampilkan kredibiliti dan ketelusan dalam pimpinan kerajaan negeri Selangor tidak kira siapa sekali pun. Jadi kita mahu melihat tindakan daripada Selcat melalui bukti yang telah diberikan dan kami sedia membantu untuk menampilkan saksi serta sumber penting yang diperlukan.

"Jika sebelum ini beberapa pimpinan melalui kerajaan Selangor lantang mengkritik kredibiliti dan integriti PAC di parlimen dan media, kini rakyat sedang menanti adakah Selcat juga seperti PAC," katanya.



Nasiruddin (dua, kiri) dan ahli NGO lain yang hadir untuk menyerahkan memorandum aduan kepada Pengerusi Selcat, Hannah Yeoh.

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

## Isu diskaun: NGO gesa penjelasan



**Adzly (dua, kanan) bersama wakil NGO berkumpul menunjukkan rasa kurang senang dengan pemansuhan diskaun kepada Bumiputera.**

**PAYA JARAS** - Persatuan Perjuangan Masyarakat Kota (Perkata) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Belia Selangor meminta penjelasan daripada kerajaan negeri berkenaan pemansuhan diskaun 10 peratus kepada Bumiputera melibatkan unit komersil berharga RM500,000 dan ke atas.

Setiausahanya, Adzly Ab Manas berkata, pemansuhan itu membolehkan kesamarataan harga unit mampu milik RM230,000 hingga RM270,000 kepada semua kaum lain.

Menurutnya, beberapa persoalan dan kekeliruan berkenaan hak Bumiputera perlu diberikan penjelasan lanjut.

"Adakah ini bermakna harga hartanah komersil RM120,000 untuk Bumiputera dimansuhkan kerajaan negeri atau sebaliknya?"

"Adakah Kerajaan Negeri Selangor terjerumus mendengar kapitalis pemaju daripada mendengar suara rakyat dan nasionalis?" katanya melalui kenyataan media kepada Sinar Harian, semalam.

Beliau berkata, kerajaan negeri mempunyai kuasa dalam isu tanah tapi mengawal tidak boleh mengawal harga pasarnya.

Menurutnya, isu harga tanah bukan sebab utama kenapa harga hartanah komersil dinaikkan kerana Kerajaan Negeri Selangor berkuasa penuh dalam isu tanah, pihak berkuasa perancang dan pihak berkuasa tempatan.

# Hanya kenyataan dunia politik

Kenyataan 'teman sejati' Mohamed Azmin terhadap Muhyiddin untuk bukti kesepaduan pembangkang

■ MARLIA ZAKARIA

**SHAH ALAM-** "Ia hanya satu kenyataan politik dalam usaha menunjukkan berlakunya keserasian antara kedua-dua pihak," kata penganalisis politik dari Universiti Malaysia Sarawak, Prof Madya Dr Jeniri Amir.

Jeniri mengulas kenyataan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, kelmarin, yang menyifatkan Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai 'teman sejati' dalam politik terutama ketika pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam kabinet.

Mohamed Azmin dilaporkan berkata, tidak ada mana-mana menteri kabinet ketika itu berani melawat

bekas ketua pembangkang itu di kediamannya selepas dipecat, melainkan Muhyiddin yang sebelum ini dalam Umno bersama-sama Anwar dalam 'team wawasan'.

Katanya, ia hanya dilihat sebagai salah satu usaha untuk memberi gambaran wujudnya kesepaduan dalam membentuk hala tuju rakyat.

"Ia bukan sahaja antara usaha untuk menunjukkan keserasian antara Bersatu yang bakal wujud dengan Pakatan Harapan, malah antara rakyat dan pemimpin dari peringkat akar umbi.

"Dengan demikian, semangat dan harapan baru dapat diwujudkan menjelang PRU akan datang. Yang pen-

ting, mereka perlu dilihat tidak berbalah dan bersatu hati untuk menambat hati rakyat," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*.

Namun katanya, Tan Sri Muhyiddin tidak boleh disamakan atau dibandingkan dengan Anwar kerana personaliti dan kemampuan mereka sangat berbeza.

"Mereka tak boleh disamakan atau dibandingkan kerana Anwar lebih berwibawa dan berkarisma.

"Muhyiddin tiada tarikan dari segi pengucapan awam namun beliau dilihat cuba menonjolkan personaliti seperti yang diharapkan rakyat," katanya.



isientia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

# Kumpul derma Syria, Rohingya

**SELAYANG** - Sebanyak RM10,000 berjaya dikumpulkan dalam misi kemanusiaan Syria dan Rohingya hasil kutipan daripada 15 masjid dalam kawasan tersebut.

Ahli Majlis MPS Zon 10, Mohd Fauzan Madzlan berkata, majlis penyerahan sumbangan diadakan dalam satu slot Malaysiaku Merdeka Pray For Syria Rohingya peringkat Selayang.

Menurutnya, sambutan tersebut diadakan bagi tahun ketiga dalam misi kemanusiaan dan dakwah yang diselitkan menerusi program merdeka.

"Tahun pertama kita tumpukan kepada seluruh ummah, diikuti Gaza dan kali ini Syria serta Rohingya melalui pemaparan penderitaan yang secara eksklusif daripada panel undangan dan jawatankuasa yang tidak disiarkan di media sosial.

"Sedikit sebanyak memberikan kesedaran untuk kita hargai keamanan dalam negara dan erti kemerdekaan dalam kalangan masyarakat," katanya.

Beliau berkata, penyerahan telah dilakukan kepada wakil dua NGO iaitu Yayasan Amal Malaysia NGO yang dekat dengan misi Rohingya dan Muslim Rare untuk rakyat Syria.

"Program selama dua jam melalui tayangan video dan jemputan panel undangan itu berlangsung kira-kira sejam mendapat kehadiran positif daripada orang ramai," katanya.

Malaysiaku Merdeka diadakan pada malam 30 Ogos dan

berakhir 31 Ogos turut melibatkan perarakan 45 pasukan bagi merebut wang tunai RM1,000, trofi dan sijil penyertaan.

Program adalah anjuran ber-

sama Jawatankuasa Penduduk Zon 10 dan 11, Pusat Khidmat Taman Templer, Nisa Selangor, Jabatan Amal Selayang dan lain-lain.

**PPZ BERSEDIA KE LOKASI ANDA!**  
*Memudahkan Anda Berzakat*

**HUBUNGI KAMI DI TALIAN ZAKAT 1-300-88-5757**

**PPZ - MAIWP** Bersedia Ke :

- Pejabat / Syarikat / Premis anda
- Kaunter Info
- Program / Majlis anda
- Mana-mana lokasi di sekitar Wilayah Persekutuan

**KEMUDAHAN DISEDIAKAN**

- Taksiran Zakat
- Pertanyaan Zakat
- Skim Potongan Gaji Zakat (Skim Thohir)
- Pembayaran Zakat Secara:
  - Tunai & Cek
  - Kad Kredit Perbankan Islam / Kad Debit

**PERKHIDMATAN KHAS PEMBAYARAN ZAKAT**  
individu RM10 ribu ke atas:

- Ke lokasi anda
- resit akan diberikan
- Emailkan kepada [faridah@zakat.com.my](mailto:faridah@zakat.com.my) / hubungi 1 300 88 5757

**7 LOKASI TETAP KAUNTER ZAKAT BERGERAK**

- JALAN TUNKU ABDUL RAHMAN - 19 Sept (Berhadapan Maybank)
- JALAN DUNGUN - 20 Sept (Berhadapan Indah Water Konsortium)
- CIMB BANK SETIAWANGSA - 21 Sept
- KWSP WANGSA MAJU - 22 Sept
- MASJID AS-SYAKIRIN KLCC - 23 Sept
- PERBADANAN PUTRAJAYA - 26 Sept
- MENARA BINJAI - 27 Sept (Berhadapan InterContinental Kuala Lumpur)

Hubungi 1-300-88-5757 untuk jadual bulan berikutnya bagi Kaunter Zakat Bergerak

**CENDERAMATA ISTIMEWA MENANTI ANDA**

[zakat.com.my](http://zakat.com.my) [facebook.com/myzakat](https://www.facebook.com/myzakat)



Exco Kerajaan Negeri, Zaidy Abdul Talib (enam, kiri) bersama sebahagian masyarakat yang memeriahkan sambutan itu.

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

## 'Ini bukan isu politik' - Noh

**TANJONG KARANG** - Pengerusi Umno Selangor, Tan Sri Noh Omar mempertikaikan tindakan kerajaan negeri yang meluluskan pertukaran status tanah paya Wetlands daripada pertanian kepada pembangunan.

Menurut beliau, persoalan ini bukan hanya dibangkitkan oleh orang Umno sahaja malah ada juga ahli PKR sendiri yang tidak ber-setuju dengan tindakan kerajaan negeri itu.

"Saya difahamkan ada NGO dan ahli PKR sendiri yang membangkitkan isu ini...ni bukan isu politik tapi babitkan kepentingan tanah paya di Selangor.

**“ Saya difahamkan ada NGO dan ahli PKR sendiri yang membangkitkan isu ini...ni bukan isu politik tapi isu membabitkan kepentingan tanah paya di Selangor.”**

- Noh

"Menteri besar sebelum ini termasuk Tan Sri Khalid Ibrahim sendiri membantah pertukaran status tanah paya terbabit, namun kerajaan negeri terkini di bawah Datuk Seri Azmin Ali memberi kelulusan.

"Banyak persoalan timbul hingga

Selcat didesak isu sama," katanya.

Jelas Noh yang juga Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, beliau juga mahu lihat sejauh mana dasar yang dibawa kerajaan negeri terhadap isu tersebut kerana tidak mahu Selcat ditubuhkan hanya sandiwara untuk tunjukkan kerajaan negeri punya integriti.

"Rakyat perlu buka mata mengenai isu ini dan agenda kerajaan negeri hanyalah untuk kepentingan politik semata-mata," katanya pada sidang media sempena Program Walkabout Kampung Hang Tuah, kelmarin.



Noh (kiri) melawat warga emas, Arfah Leman, 86 sempena Program Walkabout Kampung Hang Tuah, semalam.

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



**STARING AT  
A DRY FUTURE?**

THE water supply problems besetting hundreds of thousands of people in the country are just a foretaste of a greater disaster that is to come. Experts warn that the only hope lies in getting our act together now.

→ REPORTS BY SUZANNA PILLAY AND AUDREY VIJAJINDREN ON PAGES 4  

Pic by Asyraf Hamzah

AWARD  
WINNER 2014 & 2015

# Sustaining our water resources

